

**PAS Dibidas Kerana Tuduh Surat Tun M Bukti Malaysia Iktiraf Israel
Bernama
5 Mac, 2012**

PUTRAJAYA, 5 Mac (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada Isnin membidas Ketua Penerangan PAS Tuan Ibrahim Tuan Man berhubung tuduhannya kononnya surat diutus bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kepada perdana menteri Israel membuktikan Malaysia mengiktiraf rejim Tel Aviv itu sebagai sebuah negara sah.

Beliau berkata ketiga-tiga kandungan surat berkenaan langsung tidak menggambarkan sepertimana tuduhan itu, sebaliknya ia menyatakan pendirian dan ketegasan Malaysia berkenaan isu kebebasan Palestin.

"Saya rasa kalau mereka baca betul-betul, tak ada pun (mengiktiraf Israel) cuma disebutkan bahawa sokongan Malaysia kepada rakyat Palestin tidak berbelah bahagi dan kita memberi peringatan kepada rejim Tel Aviv (tentang perkara itu).

"Ini sesuatu yang berbeza dengan seseorang yang menyatakan ia ingin memastikan keselamatan negara Israel," katanya yang menambah bahawa Malaysia ada hubungan dengan banyak negara tetapi tidak bermakna Malaysia akan menghantar tentera untuk mempertahankan negara itu jika ia diserang.

Beliau mengulas kenyataan Tuan Ibrahim pada Isnin yang mendakwa tindakan Dr Mahathir menghantar tiga pucuk surat kepada tiga perdana menteri rejim Tel Aviv adalah bukti kerajaan mengiktiraf negara rejim zionis itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650069>